

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**HKB319 - Fiksyen Sains dan Media Baru**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

1. Apakah maksud fiksyen sains? Berikan perbezaan dan persamaan antara fiksyen sains, fiksyen fantasi dan fiksyen sains fantasi beserta contoh-contoh karya yang sesuai.

[100 markah]

2. Sejarah penulisan fiksyen sains di Malaysia bermula agak lambat iaitu pada hujung dekad 70-an berbanding fiksyen sains di Barat yang bermula seiring perkembangan sastera moden. Kenapakah keadaan ini berlaku? Kemudian, galurkan perkembangan fiksyen sains di Malaysia.

[100 markah]

3. Dalam cereka sains, kecanggihan sains dan teknologi yang misterius sering ditonjolkan untuk memperlihatkan kebijakan pengarang sehingga kadangkala bertentangan dengan budaya, nilai dan ideologi masyarakat setempat. Dengan merujuk novel *Frankenstein* karya Mary Shelly (2017) terjemahan Dali Fazuri, bahaskan perihal ini dengan mengaitkannya dengan budaya di Malaysia.

[100 markah]

4. Banyak teknologi yang muncul pada hari ini telah dibayangkan lama oleh pengarang fiksyen sains. Berdasarkan beberapa contoh karya fiksyen sains, bincangkan apakah inovasi-inovasi yang telah dilakukan dan telahpun menjadi nyata dalam dunia realiti ketika ini?

[100 markah]

5. Filem *The Martian* (2015) ialah adaptasi daripada Novel *The Martian: A Novel* (2011) karya Andy Weir. Melalui novelnya, ketengahkan kepelbagaian ilmu yang dipaparkan secara menarik oleh pengarangnya.

[100 markah]

... 3/-

**SULIT**

- 3 -

6. Berikan definisi fiksyen sains spekulatif. Dengan merujuk kisah-kisah sains fiksyen yang dipaparkan dalam laman Afrofuturisme, ulaskan suara pengarang melalui karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang-pengarangnya.  
[\(<https://medium.com/how-we-get-to-next/afrofuturism/home>\)](https://medium.com/how-we-get-to-next/afrofuturism/home)

[100 markah]

7. Dalam Teori Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence Theory*), Howard Gardner ada mengemukakan satu modaliti berkaitan visual-spatial. Bincangkan bagaimana teori ini dapat diaplikasikan melalui penghasilan komik fiksyen sains untuk memudahkan pemahaman sains kepada kanak-kanak.

[100 markah]

8. Istilah distopia dalam sains fiksyen adalah berlawanan dengan utopia. Dengan merujuk novel *Wizra Kronika Nashan* (2017) karya Ahmad Patria, berikan pandangan anda sama ada karya ini merupakan sebuah karya distopia atau utopia. Bahaskan.

[100 markah]

- oooOooo -

**SULIT**